

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tangkapan terhadap penyebar berita tidak benar di media sosial tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

PDRM melalui Unit *Police Cyber Investigation & Response Center* (PCIRC), Jabatan Siasatan Jenayah Komersil telah ditugaskan untuk membuat pemantauan di media sosial bagi apa-apa kesalahan berdasarkan peruntukan undang-undang Malaysia sedia ada. Laporan polis akan dibuat sekiranya terdapat *posting* yang menyalahi undang-undang termasuk penyebaran berita tidak benar. Kertas siasatan akan dibuka oleh pihak Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) D5 Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman.

Bagi tempoh dari 1 Januari 2020 hingga 30 September 2020, sebanyak 600 kertas siasatan telah dibuka berkaitan kes-kes media sosial. Daripada jumlah ini, sebanyak 42 kertas siasatan telah berjaya dituduh, 100 telah di NFA (*no further action*), 16 telah di KUS (Kemas Untuk Simpan) dan selebihnya masih dalam siasatan.